

JUN

2024

BULETIN MAQIS



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN





2 JUN 2024 / DURIAN BURUNG, KEDAH

Pemeriksaan pintasan perosak MAQIS Durian Burung bersama Jabatan Pertanian Negeri Kedah di Pintu Masuk Kota Putra, Durian Burung. Operasi ini turut dihadiri oleh Puan Rubiaton Alawiah binti Mohd Idaham, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan bersama-sama pegawai daripada Jabatan Pertanian Telok Chengai, Alor Setar, Kedah.



04 JUN 2024 / BANDA HILIR, MELAKA

Mesyuarat Pengurusan MAQIS Negeri Melaka / Negeri Sembilan Bil.2 Tahun 2024.



4 JUN 2024 / BATU MAUNG, PULAU PINANG

Tuan Muhammad Ikram bin Abd Talib, Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang telah menerima kunjungan daripada Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang (MNPP), Kepten Maritim Razali bin Kasim, bertempat di Pejabat MAQIS Negeri Pulau Pinang. Kedua-dua pihak telah membincangkan beberapa perkara melibatkan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama yang boleh dilakukan bersama pada masa hadapan.



5 JUN 2024 / BUKIT TENGAH, PULAU PINANG

Taklimat tender dan lawatan tapak BPP4, Projek Pembangunan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi (FIC) MAQIS PULAU PINANG kepada para kontraktor telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Makmal Veterinar Wilayah Utara.



JOHAN

NAIB
JOHAN



TEMPAT KE-3



8-9 JUN 2024 / ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Pertandingan Bola Sepak MAQIS Antara Wilayah Piala Ketua Pengarah yang diadakan di Padang J Arena Sunway, Iskandar Putri, Johor pada 8 hingga 9 Jun 2024. Keputusan penuh perlawanan bola sepak adalah seperti berikut: Johan - Wilayah Utara (Perlis, Penang, Kedah), Naib Johan - Wilayah Tengah (Selangor), Tempat ke-3 - Wilayah Timur (Kelantan, Perak, Pahang, Terengganu, Putrajaya) & Tempat ke-4 - Wilayah Selatan (Johor, Melaka)



10 JUN 2024 / MELAKA

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil Keselamatan Lalulintas Dan Kebersihan Program Melaka Agrofest 2024, diketuai MAQIS Melaka sebagai Pengerusi Urusetia bersama Jabatan Pertanian Melaka, PDRM Melaka Tengah, SwCorp Melaka & Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Melaka.



10 JUN 2024 / KOMPLEKS ICQS, RANTAU PANJANG, KELANTAN

Operasi Bersepadu Sekatan Pemeriksaan Pematuhan Peraturan GPL FAMA Bersama Pihak MAQIS Kompleks ICQS, Rantau Panjang, Kelantan.



10 JUN 2024 / KOMPLEKS ICQS, RANTAU PANJANG, KELANTAN

Lawatan pemeriksaan bersepadu Bahagian Perlesenan dan Inspektorat (BPI) bersama MAQIS bagi memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan dan kerjasama antara MAQIS dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.




12 JUN 2024 / AYER KEROH, MELAKA

Sesi perbincangan dan lawatan tapak antara agensi dan ahli jawatankuasa yang terlibat bagi penganjuran Program Melaka Agrofest 2024 di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka. Turut hadir jabatan dan agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), MPHTJ, RELA, SwCorp, Jabatan Belia Sukan dan lain-lain.



12 JUN 2024 | KEDAH

Kunjungan Hormat daripada Y.Brs. Tuan Saifullizan bin Kamarul Zaman, Timbalan Ketua Pengarah, Kawalselia Padi dan Beras ke Pejabat MAQIS Negeri Kedah. Turut hadir bersama Pengarah MAQIS Negeri Kedah, Tuan Hisham bin Abu Bakar dan Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Negeri Kedah, Tuan Mohamad Nornizam bin Ramly.



12 JUN 2024 / KUANTAN, PAHANG

Kursus Asas Penguatkuasaan MAQIS Negeri Pahang / Terengganu Tahun 2024 di Bilik Mesyuarat Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pahang. Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pegawai penguatkuasa MAQIS dalam mengendalikan kes dan Enquiry Paper (EP) bagi import dan eksport di pintu masuk.




13 JUN 2024 | BUKIT KAYU HITAM, KEDAH

Pengauditan daripada Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap pengurusan Import Permit (IP) bagi pengimportan cili terhadap Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Pintu Masuk Bukit Kayu Hitam. Turut hadir sama bagi sesi pengauditan ialah daripada Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Jabatan Kastam Negeri Kedah dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM).




13 JUN 2024 | KEDAH

Lawatan daripada Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Pejabat MAQIS Negeri Kedah dan Pintu Masuk Bukit Kayu Hitam. Sesi lawatan turut dihadiri oleh Ybrs. Puan Fadlilahton binti Ismail, Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Digital (BPD), KPKM dan turut hadir sama Tuan Mohd Saifullah bin Roslan, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat MAQIS.




18 JUN 2024 | MELAKA

Lawatan daripada Dr.Azhari Sharidan Bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah MAQIS Malaysia bagi melihat pejabat-pejabat MAQIS Melaka yang telah dinaik taraf dibawah Projek RMK-12.



24 JUN 2024 | LUMUT, PERAK

Program libat urus MAQIS Lumut, Perak bersama Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dalam operasi menghapuskan kacau ganggu burung gagak. Operasi ini memberi impak yang positif kepada pengurangan jumlah burung gagak yang bersarang di Kompleks LKIM tersebut.



25 JUN 2024 | PAHANG

Kursus Prosedur Pemeriksaan Konsalin Import Eksport Komoditi Pertanian Tahun 2024 Anjuran oleh MAQIS Negeri Pahang & Terengganu di Bilik Mesyuarat Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pahang. Penceramah adalah dari Ketua Pintu Masuk MAQIS Negeri Pahang En Pauld bin Johnny, Ketua Pintu Masuk MAQIS Negeri Terengganu En Jaeh bin Saliman dan Pengarah MAQIS Negeri Pahang & Terengganu Pn Siti Noraizurah binti Isman.



25 JUN 2024 / TANJUNG MALIM, PERAK

Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang, Tuan Muhammad Ikram bin Abd Talib telah dijemput sebagai penceramah oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) Jabatan Perikanan Malaysia dalam kursus yang telah diadakan hari ini di UPSI, Tanjung Malim, Perak.



26 JUN 2024 | MARKAS BRIGED KELAPAN INFANTRI, PENGKALAN CHEPA

Kunjung hormat Pengarah MAQIS Negeri Kelantan ke Atas Panglima Briged Kelapan Infantri Malaysia Jeneral Muzamil Bin Haji Ali.



27 JUN 2024 | PERAK

Satu lawatan kerja Ketua Pengarah, Tuan Shamsul Akhbar Bin Sulaiman, bersama Pengarah Bahagian Dasar Dan Perancangan Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya, Puan Zeti Hafiza Binti Zakaria datang melawat beberapa tanah di Perak. Dikesempatan itu juga, Ketua Pengarah turut melawat ke Pintu Masuk Ipoh Cargo Terminal dan Pintu Masuk Pengkalan Hulu, Perak.



28 JUN 2024 | PERAI

Pegawai MAQIS Negeri Pulau Pinang telah menghadiri taklimat berkenaan Penggunaan Slip Pemeriksaan Keluaran Pertanian (3P) yang diadakan di Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang. Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan mutu pemeriksaan bagi pengimportan keluaran pertanian.



30 JUN 2024 | LAPANG SASAR BUKIT MERBAU, KELANTAN

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Kelantan telah mengadakan Program Ujian Kemahiran Menembak bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan. Objektif program ini adalah bagi meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan di dalam aspek penggunaan senjata api serta menilai tahap kecekapan setiap pegawai.

Sidang Redaksi

PENAUNG

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR
Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM
Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS

EDITOR

AHMAD IZZUDDIN BIN RAMLI
PRO MAQIS Melaka / N.Sembilan